

01 JUN 2000

KERAJAAN SEDIA TERIMA WARIS MAHSURI JADI RAKYAT NEGARA INI

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Kerajaan bersedia mempertimbangkan permohonan Aishah Nawawi menjadi rakyat negara ini sekiranya generasi ketujuh Mahsuri itu berminat, Kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau beliau berminat hendak balik duduk di Langkawi dan menjadi rakyat negara ini, kita akan mempertimbangkannya," katanya pada persidangan media selepas majlis penyerahan piala Asean Kart Prix di sini, hari ini.

Semasa tiba di Langkawi pada Selasa lepas, Aishah rakyat Thailand yang menetap di Phuket, menyatakan hasratnya untuk menetap di Langkawi yang merupakan tanah tempat tumpah darah nenak moyangnya.

Semalam, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir membuat perlawaan kepada Aishah serta keluarganya menetap di sini bagi menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengalu-alukan kedatangan mereka dan merasa seronok kerana dapat menjalinkan perhubungan dengan generasi yang menjadi satu sejarah di Langkawi.

"Secara kebetulan beliau adalah generasi ketujuh. Sumpah Mahsuri menyebut Langkawi tidak maju sehingga tujuh keturunan, mungkin sumpahnya berkesan, kerana sekarang Langkawi telah pesat membangun," katanya.

-- BERNAMA

MZM/NH RI